

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

WAWASAN

Lembaga Pertubuhan Peladang menjadi peneraju pembangunan Pertubuhan Peladang.

MISI

Membangunkan Pertubuhan Peladang sebagai pemberi perkhidmatan yang berkesan ke arah ahli peladang komersial.

MATLAMAT UMUM

- PP sebagai institusi berdayamaju dalam bidang perkhidmatan sokongan pertanian;
- Pewujudan peladang komersial yang berdayasaing dan memberi sumbangan kepada sector pertanian selaras dengan matlamat transformasi pertanian melalui pergerakan PP; dan
- Pembangunan dan pengukuhan rangkaian aktiviti-aktiviti PP.

SLOGAN

“ BERGERAK MAJU BERSAMA PELADANG ”

CAWANGAN AUDIT DALAM

VISI

Menjadikan Cawangan Audit Dalam sebagai sebuah unit yang unggul dalam mengetuai sistem kawalan dalam organisasi.

MISI

Meningkatkan tahap profesionalisme bagi menjamin laporan audit yang berkualiti, tepat, bebas dan konstruktif.

PIAGAM PELANGGAN

Kami berazam untuk :

- Melaksanakan tanggungjawab audit dengan adil dan saksama
- Mengeluarkan laporan audit yang dapat membantu auditee meningkatkan system kawalan dalaman
- Membantu ke arah penambahbaikan di dalam organisasi
- Melapor secukupnya kepada pihak atasan dalam membantu mereka membuat keputusan

CAWANGAN AUDIT DALAM LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

1. LATAR BELAKANG CAWANGAN

1.1 PENUBUHAN CAWANGAN AUDIT DALAM

Penubuhan Cawangan Audit Dalam (CAD) adalah selaras dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 1979. Cawangan ini telah ditubuhkan pada tahun 1981 yang mana pada awalnya dikenali sebagai Unit Audit Dalam (UAD). Unit ini pada mulanya diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan tetapi secara fungsinya bertanggungjawab sepenuhnya kepada Ketua Pengarah melalui arahan yang dikeluarkan.

Selaras dengan Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bil. 2 Tahun 1998 : *Garis Panduan Mengenai Peranan Dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah Dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan-Badan Berkanun*, Cawangan Audit Dalam Urusetia Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang diwujudkan.

Cawangan ini beroperasi di bawah Urusetia Ketua Pengarah adalah merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Lembaga Pertubuhan Peladang dan secara pentadbirannya adalah bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang. Manakala fungsi Cawangan ini adalah tertakluk kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pertubuhan Peladang.

Pengurusan LPP telah memutuskan pertukaran nama bahagian, portfolio dan struktur organisasi berkuatkuasa mulai 1 April 2009 selaras dengan kelulusan perjawatan oleh Agensi Pusat (Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam).

1.2 FUNGSI CAWANGAN AUDIT DALAM

- Mengkaji semula sistem-sistem diorganisasi dalam tempoh tertentu untuk mengetahui sama ada fungsi perancangan, penyeliaan, arahan dan pengawalan dasar dan peraturan pengurusan telah dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan objektif dan amalan pengurusan yang baik.
- Menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawalan operasi.
- Mengkaji ketepatan dan kesahihan maklumat kewangan dan mengenalpasti cara untuk mengukur, mengklasifikasi dan melaporkan maklumat tersebut.
- Mengkaji sistem sedia ada untuk memastikan ianya selaras dengan dasar dan peraturan terutamanya bidang yang mempunyai kesan terhadap operasi serta menentukan sama ada organisasi telah mematuhiinya. Jika perlu, mencadangkan dasar yang sesuai.
- Mengkaji cara yang sesuai untuk melindungi aset dan mengesahkan kewujudan aset tersebut.
- Menilai faedah dan keberkesanan penggunaan sumber yang ada, mengenalpasti peluang untuk meningkatkan penggunaan sumber serta mencadangkan cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan.
- Mengkaji perjalanan organisasi dan pelaksanaan program untuk memastikan sama ada hasilnya selaras dengan objektif yang telah ditentukan dan sama ada ianya telah dilaksanakan seperti mana yang dirancang.
- Menyelaras tugas Unit Audit Dalam dengan Audit Luar dan agensi-agensi audit peringkat pusat.
- Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai siapa yang sepatutnya mengambil tindakan di atas sesuatu teguran audit dan melaporkan kakitangan yang didapati melakukan penyelewengan.
- Memastikan setiap perancangan dan tindakan yang dibuat oleh organisasi berkenaan telah diselaras dengan pandangan audit sebelumnya.

1.3 JAWATANKUASA AUDIT

Pada peringkat awal, Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada tahun 1986 yang mana keanggotaannya adalah terdiri daripada :

Ketua Pengarah	-	Pengerusi
Timbalan Ketua Pengarah	-	Ahli
Pengarah Pentadbiran	-	Ahli
Pengarah Audit	-	Ahli
Pen. Pengarah Audit Dalam	-	Setiausaha

Sehinggalah Surat Pekeliling Am Sulit Bil 2 Tahun 1993 dibentang di Mesyuarat Lembaga Bil 108/93 bertarikh 30 Jun 1993, maka Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan. Keanggotaan adalah terdiri daripada 5 (lima) ahli Lembaga bukan Eksekutif.

Sehingga Mesyuarat berkuasa Lembaga Bilangan 1/2010 pada 20 April 2010 keahlian Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut :

1. Pengerusi Jawatankuasa	Timbalan Ketua Pengarah LPP
2. Ahli Lembaga Mewakili : Kementerian Kewangan	Ahli
3. Ahli Lembaga Mewakili : Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Ahli
4. Ahli Lembaga Mewakili : Unit Perancangan Ekonomi	Ahli
5. Ahli Lembaga Yang Bukan Dari Perkhidmatan Awam	Ahli
6. Pengurus Cawangan Audit Dalam	Setiausaha

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah seperti berikut :


- i. Mengkaji keperluan Cawangan Audit Dalam termasuk piagamnya.
- ii. Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem pengawalan dari dalam.
- iii. Mengkaji perancangan aktiviti audit oleh audit dalaman yang meliputi skop kerja, jadual, keanggotaan serta penyelarasan di antara Juruaudit Dalaman dan Juruaudit Luar.
- iv. Mengkaji laporan daripada Juruaudit Dalaman dan Luar dan memperakukan tindakan-tindakan susulan yang perlu kepada Lembaga Pengarah.
- v. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan-laporan kewangan yang lain dikeluarkan.
- vi. Mengkaji dan menasihat Lembaga Pengarah berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif di atas aktiviti yang tertakluk kepada audit dan lain-lain perkara yang melibatkan tanggungjawab sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah.
- vii. Mengesan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah serta tatatkelakuan pegawai/kakitangan dan mengambil daya usaha menyiasat sebarang pertelingkahan yang berlaku dalam badan Berkanun yang berkenaan.
- viii. Memastikan bahawa Badan Berkanun sentiasa mengubah suai pelaksanaan kerja selaras dengan perubahan-perubahan pengisytiharan oleh Institut Akauntan Malaysia dan Jawatankuasa Piawai Perakaunan Antarabangsa.
- ix. Melaksanakan fungsi-fungsi yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

2. OBJEKTIF CAWANGAN


- **Membantu pihak pengurusan atasan memperingkatkan tahap pengurusan kewangan serta pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa.**

- **Membantu pihak pengurusan atasan menentukan program-program dan aktiviti-aktiviti dapat diurus dengan berekonomi, cekap, berkesan dan sesuai.**


3. CARTA ORGANISASI CAD



Rajah 1 : Carta Organisasi Cawangan Audit Dalam LPP.



STRUKTUR ORGANISASI CAWANGAN AUDIT DALAM



4. FUNGSI UTAMA CAD

- **Melaksanakan program-program audit dan pengesanan pematuhan pihak pengurusan terhadap sistem kawalan dalaman dan peraturan yang berkuatkuasa.**

5. AKTIVITI-AKTIVITI BAGI SETIAP FUNGSI UTAMA

5.1 Melaksanakan kerja-kerja pengauditan seperti jadual berikut :

Jenis Audit	Aktiviti
Audit Kewangan dan Operasi LPP	<ul style="list-style-type: none">• Menentukan kawalan dan prestasi belanjawan telah mempunyai kuasa-kuasa pembiayaan yang sewajarnya.• Menentukan pengurusan kewangan dan Buku-Buku disimpan dengan betul dan sempurna.• Memastikan kawalan dan prosedur perolehan adalah sempurna dan telus.• Memastikan Harta Modal, Inventori dan Bekalan Pejabat diurus dengan baik.
Audit Prestasi Program dan Aktiviti	<ul style="list-style-type: none">• Menentukan struktur organisasi bahagian/cawangan yang terlibat.• Memastikan proses yang diamalkan sepertimana peraturan yang berkuatkuasa.• Memastikan bahawa ke semua pembayaran (jika berkaitan) mempunyai kelulusan-kelulusan yang sepatutnya.• Menentukan kewujudan proses dan prosedur bagi program/aktiviti adalah mencukupi. Menentukan kewujudan fizikal program/aktiviti.
Audit Prestasi Projek Pembangunan	<ul style="list-style-type: none">• Memastikan pelaksanaan projek telah mendapat kelulusan-kelulusan yang sepatutnya melalui jawatankuasa yang bertanggungjawab.• Menentukan proses-proses pembiayaan dan perolehan mematuhi peraturan yang berkuatkuasa.• Memastikan kedudukan fizikal pelaksanaan projek dapat dipertentukan.• Menentukan kecukupan pemantauan dan pelan sokongan LPP dalam menjayakan pelaksanaan.• Menentukan prestasi projek telah mencapai sasaran dan perancangan.

<p>Audit Hasil dan Belanja</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan transaksi-transaksi semasa auditee telah mematuhi peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. • Menentukan pematuhan dan kawalan dalaman sentiasa diamalkan oleh pihak yang bertanggungjawab mengurus hasil dan belanja LPP.
<p>Audit Penampilan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan perkara-perkara berbangkit atau isu yang berkaitan dapat dipertentukan mengenai kedudukannya, pematuhan kepada peraturan dan kecukupan kawalan dalaman.
<p>Audit Susulan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan semua tindakan penambahbaikan serta pembedahan telah diambil bersesuaian dengan syor-syor yang dikemukakan. • Menentukan perkara-perkara berbangkit ditangani sepertimana sepatutnya.

5.2 Menguruskan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)

Perkara	Aktiviti
<p>Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menguruskan dan mentadbir Mesyuarat Jawatankuasa supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab yang ditetapkan.